

EKONOMI
KERTAS 2
3767/2
JULAI
2 ¼ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2026

EKONOMI

KERTAS 2

2 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

NAMA : _____

KELAS: _____

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian**:
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan
di **Bahagian B**
3. Jawapan untuk **Bahagian A** perlu ditulis di ruang
jawapan yang disediakan
4. Jawapan untuk **Bahagian B** perlu ditulis pada
kertas kjang.

KEGUNAAN PEMERIKSA		
SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
Bahagian A	60	
1	20	
2	20	
3	20	
Bahagian B	40	
4	20	
5	20	
6	20	
7	20	
JUMLAH	100	

BAHAGIAN A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini*

- 1 (a) Gambar di bawah berkaitan dengan satu faktor pengeluaran.



- i) Nyatakan faktor pengeluaran di atas.

.....

.....

[1 markah]

- ii) Jelaskan kepentingan faktor pengeluaran tersebut kepada firma.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- (b) Maklumat berikut berkaitan salah satu campur tangan kerajaan dalam ekonomi.

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan terus menambah baik sistem pengangkutan awam dan jalan raya di seluruh negara menerusi pelbagai inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Sumber: Ubah suai daripada <https://www.astroawani.com>

Tindakan kerajaan tersebut adalah wajar dalam pembangunan ekonomi negara. Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti ditawarkan oleh dua firma dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit) Syarikat Melur	Kuantiti ditawarkan (unit) Syarikat Melati
20	20	30
40	60	80
60	80	100

- i. Lukis keluk penawaran pasaran di atas kertas graf. [3 markah]
- ii. Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran di c (i).

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- d) Terangkan penentu keanjalan harga penawaran yang menyebabkan penawaran barang perkilangan menjadi anjal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Gambar berikut menunjukkan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh institusi kewangan kepada pelanggan.



Mengapakah kemudahan pembayaran tersebut menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang .

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Jadual di bawah menunjukkan butiran pendapatan dan perbelanjaan Encik Ahmad pada bulan Jun.

Butiran	Jumlah(RM)
Gaji	4000
Caruman PERKESO	20
Caruman KWSP	440
Sewa rumah	500
Cukai pendapatan	150
Zakat	300
Ansuran kereta	1000

- i) Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ahmad?

.....

.....

.....

[3 markah]

- ii) Jelaskan kepentingan caruman PERKESO kepada Encik Ahmad.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- 2 (c) Jadual menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek beg sukan sebuah firma

Mesin (unit)	Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (TP)	Keluaran Purata (AP)	Keluaran Marginal (MP)
4	0	0	-	-
4	1	30	30	30
4	2	70	35	40
4	3	140	46.7	70
4	4	200	X	60
4	5	255	51	55
4	6	295	49.2	Y
4	7	295	42.1	0
4	8	280	35	-15

- i) Berapakah nilai X dan nilai Y?

.....

.....

[2 markah]

- ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran yang paling cekap? Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- (d) Jelaskan konsep eksternaliti.

[4 markah]

3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan ekonomi di Malaysia

Lonjakan Jualan Runcit Cabar Kestabilan Inflasi Nasional 2026

Peningkatan aktiviti perbelanjaan ini berisiko menjejaskan kestabilan harga dalam ekonomi negara secara keseluruhan. Pihak BNM mungkin mempertimbangkan pelarasan dasar kewangan sekiranya tekanan harga terus meningkat secara tidak terkawal.

Sumber : Ubah suai daripada <http://www.bharian.com.my/8> Jun 2026

i) Nyatakan jenis inflasi dalam situasi di atas.

.....

[1 markah]

ii) Jelaskan kesan bagi (a) (i) kepada firma.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Kerajaan membelanjakan sekitar RM 4 bilion sebulan untuk subsidi petrol dan diesel di bawah inisiatif BUDI Madani

Sumber :Ubah Suai daripada Harian Metro ,27 Mac 2026

Jelaskan jenis perbelanjaan yang terlibat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (c) Jelaskan tujuan pengenaan tarif terhadap barang import.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika Syarikat pada Januari 2024 dan Januari 2025.

1 Januari 2024	1 Januari 2025
USD 1 = RM 4.59	USD 1 = RM 4.46

Syarikat Rincah Sdn Bhd menjalankan urusan entreport telah mengimport cip elektronik dari Amerika Syarikat bernilai USD 85 000 pada 1 Januari 2024.

Selepas melalui proses penstoran, pemasangan dan pembungkusan semula syarikat telah mengeksport produk ke Amerika Syarikat dengan nilai jualan RM 1, 000 000.

- i) Berapakah nilai cip elektronik semasa diimport dalam Ringgit Malaysia.

.....

.....

[1 markah]

- ii) Hitung keuntungan atau kerugian yang diperoleh syarikat selepas eksport produk ke Amerika Syarikat dalam Ringgit Malaysia.

.....

.....

.....

[3 markah]

- iii) Jelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan mata wang asing.

.....

.....

.....

.....


.....

[2 markah]



Bahagian B**[40 markah]**Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini

4. Maklumat berikut berkaitan pelaksanaan gaji baharu kakitangan awam.



- (a) Dengan menggunakan rajah, jelaskan pelaksanaan dasar tersebut ke atas permintaan kakitangan awam. [7 markah]
- (b) Pelaksanaan dasar tersebut mempengaruhi usaha kerajaan dalam memastikan masalah kos sara hidup dapat di atasi.
Setujukah anda dengan pernyataan tersebut? [9 markah]
- (c)(i) Tentukan komponen yang terlibat dalam perbelanjaan kerajaan dalam belanjawan negara. [1 markah]
- (c)(ii) Jelaskan perbelanjaan kerajaan tersebut. [3 markah]



5. Petikan berita berikut berkaitan pelaburan langsung asing yang dicapai oleh Malaysia.

Malaysia di senarai 25 negara teratas berpotensi tarik pelaburan asing

Kuala Lumpur: Malaysia kembali berada dalam senarai 25 negara teratas dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing selepas 12 tahun. Keupayaan teknologi, potensi pertumbuhan ekonomi dan kerelevanan geopolitik yang ditawarkan oleh Malaysia menjadikan negara menjadi destinasi FDI pilihan dalam kalangan komuniti perniagaan.

(sumber: Berita Harian Online, 10 April 2026)

- (a) Pencapaian tersebut memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara. Jelaskan. [7 markah]
- (b) Pencapaian tersebut membolehkan objektif makroekonomi guna tenaga penuh dapat dicapai. Kemukakan justifikasi anda. [4 markah]
- (c) Sekiranya anda adalah seorang pekerja, bagaimanakah anda menggunakan peluang tersebut untuk meningkatkan produktiviti. [9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi di Malaysia.

Kadar inflasi di Malaysia meningkat pada bulan Mac 2026 ekoran daripada ketidaktentuan geopolitik dunia dan peningkatan harga bahan api secara mendadak selaras peningkatan harga minyak global.

(sumber: Diubahsuai dari dagangnews.com, 30 April 2026)

- (a) Jelaskan jenis inflasi dalam petikan di atas. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan keadaan tersebut kepada isi rumah. [7 markah]
- (c) Sebagai pengguna, cadangkan tindakan yang boleh dilakukan bagi mengurangkan kesan isu tersebut. [9 markah]

7. Maklumat berkaitan dengan sektor pekerjaan di Malaysia.

Sebanyak 92 juta pekerjaan terutama dalam industri perkilangan dan perkhidmatan di seluruh dunia termasuk Malaysia akan terjejas menjelang tahun 2030.

Ini disebabkan oleh penstrukturan semula akibat daripada automasi dan kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Sumber: Diubah suai daripada astroawani.com, 14 Januari 2025

MAKLUMAT 1

Banyak pihak telah melihat AI sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi baharu. Dalam sektor pertanian misalnya, penggunaan AI telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran.

Contohnya, projek ladang pintar di Kedah yang menggunakan sistem automatik bagi mengawal penyiraman dan pembajaan telah meningkatkan hasil padi sebanyak 25 peratus dalam dua musim tanaman.

Sumber: Diubah suai daripada Bernama.com, 25 November 2025

MAKLUMAT 2

- (a) Berdasarkan **Maklumat 1**, jelaskan kesan isu tersebut ke atas ekonomi negara
[7 markah]
- (b) Setujukah anda berdasarkan **Maklumat 2** dapat membantu meningkatkan sektor pertanian.
[4 markah]
- (c) Berdasarkan **Maklumat 1** dan **2**, proses globalisasi memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia.
Bincangkan.
[9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

